

Headline	Akta baharu lonjak FRIM
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	05 Oct 2016
Section	Mega
Page No	30
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Akta baharu lonjak FRIM

SATU ketika kami pernah menerima royaliti hasil penyelidikan jus manggis berjumlah RM400 setahun meskipun hasil jualannya mencecah RM 1 juta (dalam tempoh tersebut).

"Dalam masa sama, FRIM (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia), juga wajar mendapat manfaat daripada industri kayu getah yang bernilai RM 6 bilion setahun bagi menjana pendapatan."

Demikian luahan rasa terkilan Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod**, mengenai hakikat sebenar mengenai royaliti yang diperoleh institut tersebut.

Justeru, FRIM, bermula 1 Oktober lalu mengalami satu lonjakan sejak 31 tahun penubuhannya apabila akta baharu agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) itu diwartakan.

Akta baharu itu akan menjadi enjin atau pemangkin kepada FRIM untuk bergerak ke hadapan mendepani isu dan cabaran dan memperteguh fungsi, peranan dan ranggungjawab, sesuai dengan asas penubuhannya.

Ini kerana meskipun FRIM yang dipertanggungjawabkan dalam penyelidikan perhutanan, ia hanya terbit sebagai entiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi bukan Pengkomersialan (C)

Justeru, dengan perwartaan akta baharu itu, salah satu tujuannya adalah bagi membolehkan FRIM mengkomersialkan hasil dapatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan menubuhkan syarikat bagi menjana pendapatan sendiri.

"Ini bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan dan aktiviti R&D&C FRIM."

"Walau bagaimanapun, aspek R&D perhutanan hutan dan hilir akan diteruskan seperti yang dilaksanakan sebelum ini kerana dapatan penyelidikan ini merupakan teras kepada usaha pengkomersialan," ujarnya.

Akta baharu ini juga kata

beliau, bertujuan memastikan kewujudan berterusan FRIM sebagai sebuah institusi R&D perhutanan dengan menjadikannya sebuah badan berkanan korporat yang mempunyai entiti perundangan sendiri yang lebih fleksibel dalam menjalankan dan mengkomersialkan hasil R&D.

Menerusi akta tersebut, pentadbiran, fungsi dan kuasa akan diperuntukan kepada FRIM sendiri dan bukan lagi di bawah Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (LPPM) yang ditubuhkan pada 1985.

Dengan adanya akta tersebut, FRIM juga dapat melaksanakan bidang R&D perhutanan yang baharu selaras dengan isu dan kehendak semasa.

Sejak penubuhannya pada 1985, Akta LPPM telah membolehkan FRIM membangun dan berkembang pesat sebagai entiti penyelidikan.

Walau bagaimanapun, perkembangan isu dan pembangunan pesat sektor perhutanan di negara ini dan peringkat global menyebabkan FRIM menghadapi beberapa kekangan fungsi.

Beliau juga menarik perhatian, salah satu isu semasa sektor perhutanan adalah iaitu pensijilan dan pengujian hasil hutan.

Justeru, di bawah akta FRIM boleh menjadi badan pengujian dan badan pensijilan hasil hutan bagi memastikan produk keluaran hutan negara memenuhi piawaian serta keperluan antarabangsa untuk menembusi pasaran global.

Dalam masa sama, FRIM juga dapat berfungsi sebagai pusat latihan, ujian dan perkhidmatan teknikal bagi usahawan herba tempatan.

Selain itu, FRIM berharap dapat menghasilkan teknologi mesra alam yang menyokong keperluan industri perhutanan

dan perkayuan negara seperti Sistem Pengeringan Suhu Tinggi atau *High Temperature Drying* (HTD) yang telah menyumbang kepada pemprosesan dan pengeringan kayu tanpa kimia pengawet dalam masa yang jauh lebih singkat.

Dalam jangka masa panjang, akta tersebut membolehkan FRIM terus menjalankan R&D perhutanan hutan dan hilir tanpa bergantung sepenuhnya kepada sumber kerajaan untuk menyumbang kepada kelestarian kananazan hutan negara, bagi manfaat generasi akan datang serta mengurangkan kebergantungan industri kepada bahan mentah alasi.

Kewujudan berterusan FRIM juga penting untuk manfaat sosial masyarakat setempat dan orang awam yang melakukan aktiviti riadah di FRIM.

FRIM merupakan salah satu lokasi ikonik ekopelancongan dan aktiviti riadah di Negeri Selangor.

"Orang ramai yang menikmati kemudahan serta melakukan aktiviti riadah di kampus FRIM telah melebihi 500,000 orang setahun dan jumlah ini dijangka turun meningkat," ujarnya.

Antara kelebihan Akta FRIM 2016 adalah mempunyai peruntukan yang jelas bagi elemen atau aktiviti pengkomersial pendapatan penyelidikan untuk kelangsungan perkhidmatan dan aktiviti R&D.

Akta baharu itu juga membolehkan peluang baru seperti perubahan iklim, pengawasan kesihatan hutan, pemuliharaan, ekopelancongan, hutan baharu dan penghijauan kawasan, bioteknologi dan kepelbagaian teknologi.

Tidak ketinggalan, akta itu juga

turut membolehkan FRIM memasuki perjanjian atau memberi perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal serta perundangan kepada pelanggan dan dibenarkan untuk menjalankan kursus dengan kerjasama institut pengajian tinggi bagi menyokong kompetensi peserta kursus dan latihan.

Selain itu, FRIM juga akan mempunyai fungsi sebagai badan pengujian dan pensijilan perhutanan apabila diakrreditasi sebagai badan penilaian pematuhan di bawah Akta Standard Malaysia.

Di bawah akta itu juga, institut berkenaan akan menjalankan fungsi R&D tanpa sebarang kekangan serta dalam jangka masa panjang, pendapatan yang akan dianja menerusi pengkomersialan serta penyediaan perkhidmatan lain akan digunakan untuk membentuk projek R&D perhutanan hutan dan hilir serta mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada sumber kerajaan.

Dalam pada itu FRIM selaku institusi R&D perhutanan tropika negara melaksanakan kajian bagi pembangunan sektor perhutanan dan pemuliharaan sumur hutan yang memenuhi keperluan pihak berkepentingan seperti jabatan hutan serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Antara tugas hakiki FRIM adalah melaksanakan pendokumentasi kepelbagaian biologi negara bagi



PENERBITAN
FRIM-Malaysia
Plant Red List.

TEKNOLOGI
high temperature
drying system.



INFO

- Sejak tahun 2003, FRIM telah dipindahkan ke bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
- Terletak di kawasan seluas 545 hektar di Kepong Selangor
- Diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 10 Februari 2009 di bawah Akta Warisan Kabangsaan 2005
- Dilisytiharkan sebagai Warisan Kabangsaan di bawah akta yang sama pada 10 Mei 2012.
- Antara hasil penyelidikan yang

- berpotensi dikomersialkan oleh FRIM
- **Rubberwood technology** - rawatan dan pembuatan produk kayu getah
- **High Temperature Drying (HTD)** - Teknologi pengeringan kayu bebas kimia
- Kultur tisu bagi pengeluaran bekalan bahan tanaman dengan kualiti yang konsisten
- Produk **Forestra Spa** - produk kecantikan kulit

- dariherba
- **NU-Prep kapsul tongkat ali** - Produk tongkat ali yang tercetus daripada R&D FRIM
- Kapsul kacip fatimah
- Kapsul hempedu bumi untuk anti diabetes
- Minyak gaharu
- **Insect repellent** serai Wangi

Menteri tulang belakang FRIM

KEJAYAAN FRIM mewujudkan akta baharu dan seterusnya melonggarkan kekangan yang menghambat pergerakannya selama ini banyak dibantu oleh usaha Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Malah peranan beliau, kata Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod boleh dianggap sebagai tulang belakang kepada usaha FRIM mewujudkan akta baharu dalam tempoh hanya enam

bulan, sahaja tidak lama selepas meneraju kementerian berkenaan.

"Kami amat menghargai peranan beliau dan usaha ini akan menggerakkan FRIM berubah ke arah entiti korporat kerana di bawah akta baharu ini, FRIM boleh melantik empat ahli korporat bagi membantu meneroka peluang perniagaan.

"Selain itu FRIM boleh

berjaya dan syarikat serta menubuhkan cawangan luar negara," ujarnya.

FRIM juga kata beliau boleh menawarkan penyelidikan kepada pelajar di peringkat pascajazah sekiranya relevan dengan keadaan masa.

Perkhidmatan ujian, khidmat perundangan, kontrak penyelidikan, latihan, jualan bahan, sewaan serta lain-lain perkhidmatan teknikal FRIM juga berpotensi untuk dikomersialkan dan boleh dimanfaatkan masyarakat dan industri.